

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

KKM pantau kemasukan 'baby nanas'

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) akan memantau kemasukan 'baby nanas' di semua pintu masuk negara dan pasaran tempatan bagi memastikan ia mematuhi Akta Makanan 1983.

Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan KKM, Norrani Eksan, berkata sejak tahun lalu, pihaknya sudah mengenakan pemeriksaan Tahan, Uji dan Lepas (TUL) ke atas 'baby nanas' (kulit berkulit) yang diimport.

Sehingga kini, sebanyak 115 sampel buah nanas diambil bagi tujuan analisis pelbagai parameter.

"Sebanyak 11 sampel didapati mengandungi siklamat dan disabitkan kesalahan dengan jumlah denda RM8,500.

"Merujuk kepada isu buah nanas kecil atau dikenali 'baby nanas' yang tular di media sosial, baru-baru ini dan didakwa mengandungi bahan pemanis tanpa zat siklamat, sebenarnya ia sudah tular pada 2017 dan 2019 yang mana kenyataan akhbar mengenainya pernah dikeluarkan pada 31 Mei 2019.

"Siklamat adalah sejenis pemanis tanpa zat yang memberikan rasa manis 30-50 kali lebih daripada gula sukrosa," katanya dalam kenyataan, semalam.

Norrani berkata, menurut Codex General Standard for Food Additives (GSFA), siklamat dibenarkan ditambah dalam makanan tertentu seperti jem, jeli, marmalad, produk koko dan hasilan coklat termasuk sajian

koko dan coklat sebatian serta minuman berperisa.

"Namun, siklamat tidak dibenarkan ditambah di dalam buah-buahan segar termasuk yang dikupas atau sedia dimakan. Peraturan-Peraturan Makanan 1985 turut tidak membenarkan penambahan siklamat pada buah-buahan segar," katanya.

Pastikan patuh akta

KKM akan meneruskan pemantauan di semua pintu masuk negara dan pasaran tempatan bagi memastikan ia mematuhi Akta Makanan 1983 dan peraturan di bawahnya.

"KKM turut bekerjasama dengan Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia bagi perkongsian data pemantauan

nanas yang dijual di pasaran tempatan.

"Seksyen 13(B) Akta Makanan 1983 memperuntukkan tiada seorang pun boleh menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang diadukan dengan mengandungi apa-apa bahan penambahannya tidak dibenarkan mengikut Akta Makanan 1983 atau peraturan-peraturan di bawahnya," katanya.

Beliau berkata, mereka yang didapati melanggar peruntukan itu boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Justeru, katanya, peniaga diingatkan tidak mengadakan atau menjual buah 'baby nanas' yang terdapat siklamat.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 21

RUANGAN : LOKAL

1,760 PPK akan ditempatkan di hospital seluruh negara

Kuala Terengganu: Seramai 1,760 Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) akan ditambah untuk ditempatkan di hospital seluruh negara menjelang akhir tahun ini atau selewat-lewatnya awal tahun hadapan.

Pengarah Bahagian Amalan (Perubatan) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Dr Mohamed Iqbal Hamzah berkata, setakat ini KKM mempunyai hampir 27,000 PPK termasuk di Sabah dan Sarawak.

Menurutnya, pertambahan kekosongan PPK perlu dilakukan segera berdasarkan skop kerja dan tugas yang bertambah di hospital selain pertambahan bilangan pesakit.

"Kita melihat jumlah PPK sedia ada belum mencukupi selain mengambil kira faktor pertambahan skop kerja serta peningkatan jumlah pesakit setiap hari. Jadi, kita jangkakan pengambilan PPK baru ini paling awal hujung tahun ini atau selewat-lewatnya awal tahun depan.

"Selain menempatkan PPK ini di hospital, mereka

juga akan diletakkan di fasiliti kesihatan seperti klinik kesihatan, institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan pintu masuk antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Seminar dan Sambutan Hari Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) Peringkat Kebangsaan di Pusat Konvensyen Taman Tamadun Islam di sini, semalam.

Turut hadir Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu Datuk Dr Kasemani Embong.

Pada sambutan kali keempat itu, 1,022 peserta terdiri daripada PPK seluruh negara menyertai seminar itu yang turut diisi dengan program seperti sesi dialog bersama pelbagai persatuan kesihatan kebangsaan.

Mohamed Iqbal berkata, KKM juga memperkenalkan pelbagai pembaharuan dalam penugasan PPK yang sebelum ini banyak menjalankan kerja-kerja pembersihan berbanding kerja klinikal.

Menurutnya, pihaknya juga menaik taraf pelbagai

skim gred perkhidmatan bermula Gred U11 sehingga Gred U18 selain turut mencadangkan kenaikan gred tertinggi daripada Gred U19 sehingga Gred U26.

"Dengan kemudahan kesihatan yang semakin baik, skop kerja lebih luas serta bilangan pesakit yang bertambah, KKM memerlukan tenaga kerja lebih ramai membabitkan PPK di seluruh negara," katanya.

Mengulas mengenai majlis itu, Mohamed Iqbal berkata, pihaknya berterima kasih kerana jika tiada PPK, maka boleh menyebabkan sebuah organisasi kesihatan menjadi pincang.

"Malah, sepanjang pandemik ini, PPK mampu membuktikan mereka dapat menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dalam suasana rutin mahupun semasa bencana.

"PPK juga membantu dalam memantau stok PPE, tahap kebersihan tempat kuarantin, tahap kebersihan makanan, urusan logistik dan membantu dalam menyediakan data pesakit," katanya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 16
 RUANGAN : NEGARA

Pemanis tanpa zat itu tidak dibenarkan ditambah dalam buah-buahan segar

KKM pantau *baby* nanas ada siklamat

Oleh KAMARIAH KHALIDI

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) memberi peringatan kepada peniaga supaya tidak mengadukkan atau menjual buah 'baby' nanas yang terdapat siklamat.

KKM dalam satu kenyataan berkata, sebanyak 115 sampel buah nanas telah diambil bagi tujuan analisa dengan 11 daripadanya mengandungi siklamat yang telah disabitkan kesalahan dengan denda RM8,500.

Katanya, siklamat merupakan bahan pemanis tanpa zat dan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan telah meningkatkan pemantauan ke atas buah nanas yang mengandungi bahan itu.

Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan, Norrani Eksan berkata, bermula tahun lalu, pemeriksaan Tahan, Uji dan Lepas (TUL) dijalankan ke atas nanas kecil (kulit berkupas) yang diimport masuk ke dalam negara.

"Sehingga kini sebanyak 115 sampel buah nanas telah diambil



BABY nanas yang terkenal dengan rasa manis dan sedap terutama dari Thailand.

bagi tujuan analisa pelbagai parameter dengan 11 sampel didapati mengandungi siklamat dan telah disabitkan kesalahan dengan jumlah denda RM8,500.

"Pemantauan akan diteruskan ke atas buah nanas di semua

pintu masuk negara dan pasaran tempatan bagi memastikan ia mematuhi Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya," katanya dalam kenyataan semalam.

Jelasnya, siklamat merupakan



Namun siklamat tidak dibenarkan ditambah di dalam buah-buahan segar termasuk yang telah dikupas atau sedia dimakan dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 turut tidak membenarkan penambahan siklamat pada buah-buahan segar."

pemanis tanpa zat yang memberikan rasa manis 30 hingga 50 kali lebih daripada gula sukrosa.

"Menurut Codex General Standard for Food Additives (GSPA), siklamat adalah dibenarkan ditambah dalam makanan tertentu seperti jem, jeli, marmalad, produk koko dan hasilan coklat termasuk sapuan koko juga coklat sebatian serta minuman berperisa.

"Namun siklamat tidak dibenarkan ditambah di dalam buah-buahan segar termasuk yang telah dikupas atau sedia dimakan dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 turut tidak membenarkan penambahan siklamat pada buah-buahan segar.

Selain itu, katanya, BKKM turut bekerjasama dengan Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia bagi perkongsian data pemantauan nanas yang dijual di pasaran tempatan.

Beliau berkata, Seksyen 13(B) Akta Makanan 1983 memperuntukkan tiada seorang pun boleh menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang diadukkan dengan mengandungi apa-apa bahan penambahannya tidak dibenarkan di bawah Akta Makanan 1983 atau peraturan-peraturan di bawahnya.

Justeru, individu didapati melanggar peruntukan tersebut boleh didenda tidak lebih RM20,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 21
 RUANGAN : NASIONAL

KKM pantau siklamat dalam 'baby nanas'

Bahan pemanis 50 kali ganda lebih manis daripada gula sukrosa ditemui dalam 11 sampel

Oleh TUAN BUQHAIRAH
 TUAN MUHAMAD ADNAN
 PUTRAJAYA

Sejak 2017 sehingga kini, sebanyak 11 daripada 115 sampel buah nanas kulit berkusap atau dikenali sebagai 'baby nanas' yang diimport didapati mengandungi siklamat.

Siklamat adalah sejenis pemanis tanpa zat yang memberikan rasa manis 30 hingga 50 kali lebih daripada gula sukrosa.

Ia dibenarkan ditambah dalam makanan tertentu seperti jem, jeli dan marmalad, produk koko, sapuan koko dan coklat serta minuman berperisa.

Namun, siklamat tidak dibenarkan ditambah di dalam buah-buahan segar termasuk yang telah dikupas atau sedia dimakan berdasarkan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKQM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Norrani Eksan menerusi kenyataan pada Selasa memaklumkan, pihaknya mempergiatkan pemantauan ke atas pasaran



Buah nanas kulit berkusap atau dikenali sebagai 'baby nanas' yang diimport didapati mengandungi siklamat.

tempat-tempat terhadap produk itu.

"KKM meneruskan pemantauan ke atas buah nanas di semua pintu masuk negara dan pasaran tempatan bagi memastikan ia mematuhi Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya," ujarnya.

Menurutnya, Seksyen 13(B) Akta Makanan 1983 memperuntukkan tiada seorang pun dibenarkan menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang diadukkan dengan mengandungi apa-apa bahan perambahannya di bawah Akta Makanan 1983 atau peraturan-peraturan di bawahnya.

"Individu yang disabitkan boleh didenda tidak melebihi

RM20,000 atau penjara sehingga lima tahun atau keduanya sekali," katanya.

Tambahnya, peniaga diingatkan tidak mengadukkan atau menjual buah 'baby nanas' yang mengandungi siklamat.

"KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara yang mengancam kesihatan pengguna.

"Sekiranya mempunyai kemusykilan berhubung isu buah 'baby nanas' tersebut, pengguna boleh menghubungi pejabat kesihatan daerah atau jabatan kesihatan negeri terdekat atau melalui laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> atau Facebook BKQM www.facebook.com/bkqmhq," jelasnya.